

# Jerebu tiada kesudahan tanpa penguatkuasaan

Sudah menjadi kebiasaan, setiap kali Ogos dan September, negara kita serta beberapa negara jiran akan menghadapi masalah jerebu. Ia seperti tiada noktah. Jerebu adalah fenomena di mana habuk, asap dan zarah kering berkumpul di udara menyebabkan kadar penglihatan menjadi kurang jelas.

## Ancam kesihatan

Apa yang berlaku ketika jerebu ialah bahan cemar ini bertumpu di sesuatu kawasan dan menyelimutinya.

Jika jumlah jerebu bertambah, ia akan menjadi ancaman dari aspek keselamatan serta kesihatan.

Jerebu boleh berlaku disebabkan aktiviti manusia serta di atas sebab semula jadi. Antara contoh jerebu yang berlaku akibat aktiviti manusia adalah pembakaran ter-

buka, pencemaran dikeluarkan kenderaan, pencemaran sektor perindustrian serta pembakaran tanah pertanian dan ladang.

Jerebu secara semula jadi adalah seperti kebakaran hutan serta habuk yang dibawa angin yang berlaku pada skala besar.

Justeru, semua pihak harus duduk berbilang serta mengadakan pertemuan bagi mengenal pasti punca sebenar berlaku jerebu hampir setiap tahun.

Pihak terbabit perlu melakukakan siasatan dengan teliti

dan tindakan tegas perlu diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab mengikut peruntukan undang-undang yang ada.

“**Masalah jerebu tidak mungkin berlaku jika kerajaan negara terbabit menguatkuasakan segala peruntukan undang-undang bagi membendung masalah ini**”



**Kemerosotan kualiti udara akibat jerebu bukan sahaja memberi impak kepada kesihatan rakyat, malah menjejaskan sektor ekonomi negara.**

(GAMBAR HIASAN)

Walaupun apa pun, punca kepada aktiviti yang boleh menyebabkan jerebu harus dikekang. Masalah jerebu tidak mungkin berlaku jika kerajaan terbabit menguatkuasakan segala peruntukan undang-undang bagi membendung masalah ini.

## Pantau aktiviti pembersihan tanah pertanian, ladang

Aktiviti membabitkan pembersihan tanah pertanian dan ladang pada setiap Ogos sehingga September hendaklah dipantau.

Melalui tindakan tegas serta

kerjasama kerajaan negara ASEAN, jerebu yang menjadi masalah saban tahun dapat dihentikan buat selama-lamanya.

**Dr Muzaffar Syah Mallow,**  
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)